

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.3 (18)

6 Oktober 2015  
22 Zulhijjah 1436H

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 23/2015

### TINDAKAN SEMASA JEREBU

Pada awalnya Jabatan Meteorologi Malaysia menjangkakan jerebu teruk yang melanda negara sejak pertengahan September 2015 akan berakhir pada awal Oktober 2015, berikutan bermulanya fasa peralihan monsun, namun oleh kerana terbentuknya beberapa ribut tropika di perairan negara Filipina telah menyebabkan tiupan angin dari arah barat daya yang konsisten. Keadaan ini telah menyebabkan jerebu rentas sempadan kembali melanda negara.

2. Justeru, pihak Universiti telah menubuhkan *Task Force* Khas Menangani Isu Jerebu UTM bagi membantu Universiti memantau dan memberi khidmat nasihat berkaitan isu tersebut. *Task Force* ini dipengerusikan oleh YBhg. Prof. Dr. Azlan bin Ab. Rahman, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) dan Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) telah dilantik sebagai urus setia.


3. Sehubungan itu, warga kampus diminta sentiasa peka terhadap semua pengumuman/kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Hal Ehwal Korporat, UTM dari masa ke semasa. Manakala Pusat Kesihatan Universiti (PKU) adalah Pusat Tanggungjawab (PTJ) bertanggungjawab bagi menentu mekanisme kawalan kesihatan di kawasan kampus. Warga kampus juga disarankan memahami nasihat dan panduan yang digariskan oleh PKU berhubung panduan aktiviti semasa masalah jerebu di UTM mengikut skala bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Maklumat ini boleh dicapai melalui laman sesawang [utmonline.utm.my](http://utmonline.utm.my).

Bersama-sama ini dilampirkan Dasar Tindakan Jerebu bagi rujukan saudara.

Sekian, terima kasih.

**“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”**

Yang benar,



**WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN**  
Pendaftar

- s.k.
- YBhg. Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa & Alumni)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - Pengarah Kampus UTM Kuala Lumpur
  - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

## **DASAR TINDAKAN JEREBU**

UTM komited dalam menyediakan suasana dan persekitaran yang sihat, bersih dan lestari kepada warga kampus. Kelestarian alam sekitar merupakan salah satu tonggak utama ke arah pembangunan mampan kampus dan kawasan sekitarnya. Dasar Tindakan Jerebu diwujudkan bagi satu tatacara kawalan tindak balas terhadap jerebu yang melanda kawasan kampus UTM.

### **Tindakan Pemantauan Kualiti Udara**

1. Stesen Sementara Pemantauan Kualiti Udara UTM diwujudkan bagi mendapatkan bacaan lokaliti kampus Johor Bahru dan kampus Kuala Lumpur. Stesen ini hanya diwujudkan sekiranya bacaan Nilai Indeks Pencemaran Udara (IPU) / *Air Pollutant Index* (API) mencecah tahap 150 di Stesen Larkin bagi Johor Bahru dan Stesen Cheras bagi Kuala Lumpur.
2. Bagi Kampus Johor Bahru, bacaan ini akan dirujuk silang dan ditanda aras dengan bacaan di Stesen Singapura (*Woodlands Station*) dan Stesen Larkin manakala bagi Kampus Kuala Lumpur adalah dengan Stesen Cheras. Tujuan rujuk silang dan tanda aras ini adalah sebagai pengesahan bacaan stesen-stesen sementara ini.

### **Tindakan Hebahan Bacaan**

1. Sekiranya bacaan IPU melebihi 150, pemakluman info bacaan terkini akan dihebahkan sebanyak 2 kali sehari.
2. Pejabat Hal Ehwal Korporat menjadi pusat hebahan informasi jerebut kepada warga UTM.

### **Tindakan Kawalan Kesihatan**

1. Pusat Kesihatan Univesiti (PKU) adalah PTJ bertanggungjawab bagi menentu mekanisme kawalan kesihatan di kawasan kampus.
2. Warga kampus disarankan memahami nasihat dan panduan yang digariskan oleh PKU berhubung panduan aktiviti semasa masalah jerebu di UTM mengikut skala bacaan IPU.

### **Tindakan Respon Dasar**

1. Tindakan menutup pejabat/menangguhkan kuliah/aktiviti akademik/aktiviti luar adalah keputusan pengurusan Universiti dengan nasihat pasukan bertindak yang dibentuk dibawah deklarasi dasar ini.
2. Sebarang keputusan ini akan dimaklumkan menerusi Pejabat Naib Canselor.

**PROF. DATUK IR. DR. WAHID OMAR**

**Naib Canselor**

**Tarikh : 29 September 2015**